



Kontroversi Politik dan Kontradiksi Agama di Sabah, 1946-1976: Sejarah dan Perkembangan

Narsyatika Adira Puddin

Pengenalan

Dalam Islam, agama dan negara merupakan dua entiti yang tidak dapat dipisahkan.¹ Kedua-duanya saling memerlukan, namun memisahkannya justeru melahirkan konsep yang lain pula iaitu sekularisme.² Bagi umat Islam,³ Islam (agama) berperanan sebagai garis panduan praktikal pemimpin untuk menjalankan pemerintahan negara. Lantaran itu, Islam merupakan sumber dan

1

Catatan: Sebahagian daripada draf awal bab ini (di peringkat penulisan tesis sarjana) telah ditulis semula dengan beberapa rombakan, namun demi mengiktiraf Narsyatika sebagai sarjana srikandi, hanya nama Narsyatika diletakkan sebagai penulisnya.

*Penghargaan: Penulisan ini ditaja oleh pelbagai dana: Geran Penyelidikan Bidang Keutamaan Fasa 1/2021 (Kod Projek: SBK0487-2021. Tajuk Kajian: Angkatan Gaya Baru (AGABA) Sebuah Gerakan Intelektualisme Di Sabah), Majlis Ugama Islam Sabah, Pusat Zakat Sabah, Pejabat Pembangunan Negeri Wilayah Persekutuan (Jabatan Perdana Menteri), Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sabah dan Yayasan Taqwa, Wilayah Persekutuan.

Olivier Roy, Bahtiar Effendy (Pengantar), *Gagalnya Islam Politik*, hlm. vi.

² Sekularisme ialah “pembebasan manusia daripada agama dan kongkongan ketuhanan ke atas pemikiran, perbuatan dan pertuturan manusia. Sekularisme juga membawa maksud pelepasan manusia daripada pengertian keagamaan dan ketuhanan”. Untuk perbincangan lanjut, rujuk (misalnya) Syed Muhammad al-Naquib Al-Attas, *Islam and Secularism*, Kuala Lumpur: Muslim Youth Movement of Malaysia (ABIM), 1978, hlm. 13-46.

³ Negara Islam adalah negara yang melaksanakan undang-undang Islam dan kuasa politiknya berada dalam tangan orang Islam. Rujukan lanjut Mohd. Rumaizuddin Ghazali, *Sains Politik Islam*, Pahang: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd., 2004, hlm. 64. Syed Ameer Ali, *Sejarah Evolusi dan Keunggulan Islam*, hlm. 356.

dasar rujukan tertinggi untuk negara Islam.⁴ Masa berlalu dengan pantas dalam kitaran sejarah. Musuh-musuh Islam iaitu kaum kafir⁵ bertindak memerangi Islam kerana Islam dianggap sebagai ancaman.⁶ Antara peristiwa penting yang memberikan kesan negatif terhadap hubungan Muslim-Kristian ialah Perang Salib.⁷ Kekalahan pakatan Kristian dalam Perang Salib telah memacakkan dendam sehinggakan motif penjajahan kuasa-kuasa kolonial Kristian-Barat ke Asia Tenggara amnya dan Sabah khususnya, ditunjangi sentimen Perang Salib.⁸ Peristiwa ini menjadi saksi zaman terhadap permusuhan antara dua umat bagi kedua-dua agama tersebut. Akhirnya, hubungan antara penganut Kristian-Islam terus menjadi keruh akibat prasangka dan prejudis keagamaan. Hakikat ini terheret dalam konteks politik kepartian di Sabah⁹ pada era politik kepartian.¹⁰ Bagaimanapun, terdapat satu lagi bentuk pergolakan yang lebih rumit iaitu persaingan dan pertentangan politik sesama Muslim di Sabah. Dalam konteks ini, Islam telah diseret ke medan politik untuk kepentingan politik kepartian lantas berbaur dengan kepentingan umat dan Islam itu sendiri. Bagaimanapun, akar kesejarahannya (pertembungan Islam-Kristian) dapat dilihat menerusi

⁴ Sila lihat Natsir, *Islam Sebagai Ideologi*, Jakarta: Pustaka Aida, 1951, hlm. 261.

⁵ Dari perspektif Islam, musuh-musuh Islam secara umumnya dikenali sebagai manusia *kafir harbi*. Ini merupakan istilah ilmiah dan terungkap dalam karya-karya muhtabar. Untuk kupasan lanjut mengenai makna “kafir” dan hubungannya dengan tauhid, lihat Muhammad Naim Yasin, *Iman: Rukun, Hakikat dan Pembatalannya*, Pustaka Darussalam, Alor Setar, 2008.

⁶ Syed Ameer Ali, *Sejarah Evolusi Dan Keunggulan Islam*, hlm. 114-119. Ismail Yusoff, *Politik Dan Agama Di Sabah*, Bab Pengenalan, bahagian iv.

⁷

Perang Salib memakan masa yang panjang. Perang ini mula berlaku dalam tahun 1096 Masihi dan berakhir dalam tahun 1291 Masihi. Pada perhitungan kasarnya, Perang Salib memakan masa selama 192 tahun. Ini bererti umat Islam dengan penganut Kristian berada dalam permusuhan hampir dua kurun. Untuk rujukan lanjut, lihat Haron Din, *Tasawwur Islam*, Shah Alam: Penerbitan Hizbi, 1992, hlm. 4. S.

⁸ Lihat bukunya, *Politik al-Imam*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 2000, Bab 2-4 dan artikelnya, “Kolonialisme dan Pengembangan Kristian di Nusantara Pada Abad Ke-16 Hingga Ke-18”, *Sejarah*, No. 3/1994-1995, hlm. 239-274.

⁹

Memandangkan kajian ini bukanlah bertujuan mengupas asal-usul nama “Sabah”, justeru sumber rujukannya tidaklah perlu ditambahkan (untuk mengelakkannya menjadi panjang berjela-jela). Memadailah setakat sumber rujukan di sini. J.P. Ongkili, *The Borneo Response To Malaysia 1961-1963*, Brisbane: Donald Moore Press, 1967, hlm. 9. Ranjit Singh, *The Making of Sabah 1865-194: The Dynamics of Indigenous Society*, Kuala Lumpur: University of Malaya Press, 2003, hlm. 3.

¹⁰ Buku ini diterbitkan oleh Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 2004.

penentangan terhadap regim Syarikat Berpiagam Borneo Utara British (SBBUB), seperti disentuh selanjutnya.

Islam dalam Gerakan Sosial, 1946-1963

Semenjak kerajaan kolonial British menjajah Sabah pada tahun 1946,¹¹ kepentingan umat Islam di Sabah terus terabai. Contohnya, British tidak menghiraukan kemajuan pendidikan dan kemajuan umat Islam, malahan kerajaan kolonial British menjalankan sekatan-sekatan terhadap perkembangan dakwah dan pendidikan Islam di Sabah. Sebagai buktinya, pada tahun 1950-an, masjid yang telah didirikan oleh umat Islam di bandar Kota Kinabalu (dahulunya lebih dikenali sebagai Jesselton) telah dirobohkan lalu kawasan tersebut didirikan pula sebuah gereja *Seven Day Adventists* (SDA).¹²

Tindakan British ini dilihat sebagai penghinaan terhadap agama Islam. Bahkan, tindakan ini cukup mengguris hati mereka. Justeru, akibat tekanan dan pengabaian terhadap kepentingan umat Islam di Sabah, buat pertama kalinya mereka bangkit dan tampil dengan menubuhkan persatuan-persatuan Islam.¹³ Pemimpin bumiputera Muslim menyedari bahawa tanggungjawab untuk memperjuangkan hak dan kepentingan mereka terletak dalam tangan mereka sendiri. Lantas, perbincangan yang diadakan dalam kalangan mereka cenderung untuk menyatupadukan bumiputera Muslim melalui pertubuhan bercorak bumiputera Islam. Mereka percaya bahawa dengan perpaduan itu nanti, nasib dan masa depan bumiputera Muslim dan agama Islam di Sabah dapat diperjuangkan. Perlu dinyatakan, pertubuhan ini bukanlah pertubuhan Islam, namun memandangkan pemimpin dan anggotanya beragama Islam, justeru mustahil mereka tidak mempunyai kesedaran dan semangat Islamik.

¹¹ Mohd Yusof Kasim & Azlan Ahmad, *Politik Baru Dalam Pilihan Raya Umum*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2002, hlm. 30.

¹² Bagaimanapun, selepas Sabah merdeka, gereja ini telah dibeli oleh USIA, iaitu pada tahun 1974. Di sini terlihat kesungguhan umat Islam menjaga dan memantapkan syiar Islam khususnya di Sabah. Temu bual bersama Awang Sahari Abdul Latif pada 6 Mac 2007.

¹³ Sabihah Osman, "Perkembangan Politik Sabah", dalam Hairi Abdullah (et al.), *Sabah: Perubahan dan Pembangunan*, hlm. 87 dan Muhiddin Yusin, *Islam di Sabah*, hlm. 17.

Antaranya, Barisan Pemuda Sabah (BARIP)¹⁴ dan Parti Kebangsaan Melayu (PKM).¹⁵ Kedua-dua persatuan ini mempunyai cita-cita kemerdekaan. Terkimpal bersamanya, untuk membela kepentingan bumiputera Muslim dan Islam di Sabah. Kedua-dua aspek ini tidak dapat dipisahkan. Sungguhpun BARIP dan PKM tidak menggunakan perkataan “Islam” di sisi nama persatuan tersebut, tetapi mustahil kedua-dua pertubuhan ini bersifat anti-Islam pula. Malah, belum ada bukti menunjukkan kedua-dua pertubuhan ini bersifat anti-Islam. Dalam konteks ini, tidaklah keterlaluan apabila penulis berpendapat kedua-dua pertubuhan ini mempunyai semangat dan kesedaran Islamik. Tambahan pula, Islam merupakan institusi sosial yang sangat penting dalam kehidupan umat Islam. Kemunculan BARIP dan PKM membimbangkan kerajaan kolonial British, dan kemudiannya British memperalatkan taktik kotor untuk melemahkan kedua-dua pertubuhan ini. Motif makar penjajah itu berjaya menimbulkan perpecahan dan pergeseran antara BARIP dan PKM.¹⁶

Akhirnya, pergeseran itu menyebabkan parti-parti tersebut lumpuh dan terpaksa dibubarkan pada awal tahun 1960-an.¹⁷ Walaupun pergerakan kedua-dua parti telah dikudungkan oleh penjajah, namun berputus asa bukanlah pegangan umat Islam. Sejak itu, sehingga awal tahun 1960-an, beberapa persatuan Islam telah muncul dengan tujuan-tujuan yang lebih khusus terhadap perjuangan Islam. Antaranya, Khairat Jumaat Muslimin (KJM) dan Persatuan Ikhwan Sabah.¹⁸

¹⁴ Barisan Pemuda (BARIP) adalah sebuah pertubuhan yang berunsur politik, ditubuhkan pada tahun 1946. *Ensiklopedia Sejarah dan Kebudayaan Melayu*, Jilid 1 (A-E), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1999.

¹⁵ Parti ini lahir hasil daripada pengaruh Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) yang dipimpin oleh Burhanuddin al-Helmi, tokoh yang terkenal dengan idea nasionalisme Melayu. Mohd Izani Mohd Zain, *Islam Dan Demokrasi: Cabaran Politik Muslim Kotemporari Di Malaysia*, hlm. 92.

¹⁶ BARIP dan PKM menjadi sasaran penjajah kerana kedua-duanya dianggotai oleh golongan muda yang bersemangat radikal. Lihat Baharuddin Zainal (et al.), *Wajah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1981, hlm. 183.

¹⁷ Temu bual bersama Awang Sahari Abdul Latif pada 6 Mac 2007.

¹⁸ Persatuan ini ditubuhkan di Kota Kinabalu pada akhir 1940-an dan Yang Dipertuanya yang pertama ialah Haji Suhaili. Manakala Persatuan Ikhwan Sabah ditubuhkan pada 27 September 1957. Tujuan utama penubuhan persatuan-persatuan ini ialah untuk menggalakkan ahli-ahlinya mematuhi Rukun Islam yang

Kedua-dua persatuan ini memfokuskan perjuangan mereka untuk memartabatkan agama Islam dan membela nasib masyarakat Islam di Sabah. Patah tumbuh hilang berganti.

Bagaimanapun, kedua-duanya tidak dapat bertahan lama kerana menghadapi pelbagai masalah, termasuklah kekurangan penglibatan para pemimpinnya. Kebanyakan pemimpinnya terdiri daripada kakitangan kerajaan kolonial British dan ini menyukarkan mereka untuk bergiat aktif dalam persatuan. Tambahan pula, gerak-geri mereka sentiasa diawasi perisik penjajah. Kerajaan kolonial British kelihatan mencurigai kemunculan dan pergerakan persatuan-persatuan keislaman di Sabah. Penjajah British nampaknya dihantui bebayangannya sendiri.

Dalam pada itu, bumiputera Muslim di Sabah tidak pernah alpa dengan tanggungjawab, nasib dan masa depan mereka. Walaupun beberapa persatuan yang telah muncul sebelum ini telah dibatuniskan oleh penjajah British, tetapi roh dan semangat mereka semakin teguh untuk terus memperjuangkan hak dan kepentingan umat Islam. Ini terzahir dengan sendirinya menerusi pengasasan Persatuan Islam Tawau (PIT), Persatuan Islam Putatan (PIP) dan Persatuan Islam Sabah (PIS).¹⁹

Ketiga-tiga persatuan ini telah bekerjasama untuk menyatukan umat Islam seluruh negeri, di samping memajukan kehidupan mereka dalam hal ehwal agama Islam dan kebajikan.²⁰ Persatuan-persatuan ini berusaha untuk menumpukan sepenuh perhatian untuk memacu dan menggerakkan seluruh tenaga umat Islam sekali gus membela hak dan kepentingan mereka yang diabaikan oleh penjajah. Kejayaan awal persatuan-persatuan ini ialah penubuhan cawangannya di seluruh Sabah dan membina beberapa buah masjid dan madrasah pengajian agama Islam.²¹

lima dan meninggikan syiar Islam. Keterangan lanjut dalam *North Borneo News and Sabah Times*, 5 Ogos 1961, hlm. 4. *North Borneo News & Sabah Times*, 2 November 1961, hlm. 4.

¹⁹ *North Borneo News dan Sabah Times*, 7 Julai 1960. *North Borneo News & Sabah Times*, 30 Disember 1961, hlm. 4.

²⁰ *North Borneo News and Sabah Times*, 4 Januari 1961, hlm. 4.

²¹ Untuk gambaran umum mengenainya, sila lihat (misalnya) "Sabah State Mosque", dalam *Cenderamata Majlis Negeri Sabah*, hlm. 29. Muhiddin Yusin, *Islam di Sabah*, hlm. 24. *Sinar USIA*, Bil. 2, Jilid 1, Ogos 1970. *Kinabalu Sabah Times*, 10 Januari 1979, hlm. 1.

Sungguhpun demikian, tindakan penjajah British yang sentiasa menghidu dan mencemburui gerakan-gerakan Islam di Sabah, turut memberikan tekanan ke atas pemimpin-pemimpin persatuan tersebut. Ini menggambarkan betapa agama Islam dan umatnya telah terancam dan terhimpit pada zaman kolonial British. Namun, pemimpin bumiputera Muslim semakin matang dalam perjuangan mereka. Tekanan dan pengabaian British menjadi taming dan katalis terhadap proses kebangkitan politik bumiputera Muslim di Sabah, khususnya pada awal 1960-an.

Titik Pertembungan dan Puncak Persaingan, 1961-1975

Dalam tempoh 1961-1975, pempolitan agama semakin jelas kelihatan. Gagasan Malaysia²² yang dicadangkan Tunku Abdul Rahman²³ menjadi pemangkin yang merancakkan lagi senario perkembangan politik di Sabah. Sejak awal lagi, UNKO²⁴ menentang gagasan Malaysia.²⁵ Manakala USNO²⁶ yang dipimpin bumiputera Muslim, tidak pernah membelakangi matlamat murni gagasan Malaysia.²⁷ Senario ini memperlihatkan terperciknyanya gema pertentangan antara dua

²² Gagasan Malaysia adalah cadangan Tunku Abdul Rahman untuk menggabungkan Tanah Melayu dengan negeri-negeri di sekitarnya. Misalnya, Singapura, Sabah (Borneo Utara), Sarawak dan Brunei. James P. Ongkili, *Nation-building In Malaysia 1946-1974*, Singapore: Oxford University Press, 1985, hlm. 151. .

²³ Tunku Abdul Rahman ibni Tuanku Muhammad merupakan Yang Dipertuan Agong yang pertama (1957-1960). *Ensiklopedia Sejarah dan Kebudayaan Melayu*, Jilid 4 (R-Z), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1999, hlm. 2494-2495.

²⁴ *United National Kadazan Organisation* (UNKO) merupakan parti politik pertama yang ditubuhkan di Sabah. Untuk keterangan lanjut, lihat Sabihah Osman, "Perkembangan Politik Sabah", dalam Hairi Abdullah (et al.), *Sabah: Perubahan dan Pembangunan*, hlm. 90-95.

²⁵ Pada awalnya, UNKO sememangnya menentang gagasan Malaysia kerana mereka khatir suku Kadazan yang majoritinya beragama Kristian akan kehilangan dominasi kuasa di Sabah sekiranya Sabah berada dalam Malaysia. Patrick Sindu & Abdul Malek Unar, *Isu 20 Perkara: Jaminan Dan Perlindungan*, hlm. 49.

²⁶ Kira-kira empat bulan selepas penubuhan UNKO, Persatuan Kebangsaan Sabah Bersatu (USNO) telah ditubuhkan. Lihat (misalnya) *The British North Borneo Herald And Official Gazette*, 1 Mac 1883, hlm. 10. .

²⁷ Subky Latif, *Merdeka Melalui Malaysia: Sebahagian daripada Memoir Tun Datu Mustapha*, hlm. 5.

entiti politik dan agama iaitu UNKO (dominasi bumiputera Kristian) dan USNO (membawa aspirasi Islam).

Pertentangan ini turut berlaku disebabkan oleh perbezaan pandangan antara kedua-dua parti politik mengenai gagasan Malaysia. Bagi UNKO, gagasan Malaysia adalah satu muslihat Islam untuk menguasai mereka.²⁸ Manakala bagi USNO, Sabah akan lebih maju dari segi ekonomi, politik dan sosial (agama Islam), sekiranya berada dalam sebuah persekutuan negara yang lebih besar. Pada masa yang sama, USNO muncul hasil daripada kesedaran politik bumiputera Muslim yang bergiat aktif dalam persatuan-persatuan Islam. Semangat keislaman ini telah tersemat dalam diri umat Islam di Sabah. Lantas, tidak keterlaluan apabila dikatakan kelahiran USNO – secara tersiratnya – turut bertujuan membela kepentingan bumiputera Muslim dan Islam. Kebenaran ini tidak dapat dinafikan lagi apabila kebanyakan daripada pemimpin persatuan-persatuan Islam turut menjadi pemimpin tertinggi dalam USNO.

Fenomena ini memberi tekanan kepada UNKO kerana terdapat garis perbezaan mendasar antara UNKO dengan USNO. Sementara UNKO didominasi bumiputera Kristian, USNO pula didominasi bumiputera Islam. Justeru, persaingan antara UNKO dengan USNO dengan sendirinya memperlihatkan pertentangan antara dua agama: Kristian dan Islam. Gimfil pernah mendakwa perkembangan agama Kristian terancam di Sabah disebabkan oleh kebangkitan Islam. Menurut beliau, selagi suku Kadazan berbaik sangka dengan masyarakat Islam, cita-cita suku Kadazan untuk menguasai politik Sabah akan menemui kegagalan.²⁹ Beliau juga mendakwa penganut Kristian di Sabah dianiaya sejak Sabah berada di bawah Kesultanan Sulu, malah berterusan hingga ke era pemerintahan USNO.³⁰

²⁸ Sabah Church Archives 9, hlm. 157. Lihat juga Herman Luping, “The Formation of Malaysia Revisited”, dalam Jeffrey Kitingan, *Sabah 25 Years Later 1963-1988*, Kota Kinabalu: Institut Kajian Pembangunan (IDS), 1989, hlm. 2.

²⁹ Gimfil James, *The Kadazans at the Crossroads*, Penampang: Gimfil James, 1983, hlm. 3.

³⁰ Gimfil James, *The Kadazans at the Crossroads*, hlm. 13.

Lantaran itu, untuk memastikan impian mereka tercapai, para pemimpin UNKO berusaha menyatukan penganut Kristian di bawah payung “Kadazan”.³¹ Dalam pada itu, kerajaan negeri Sabah pimpinan Datu Mustapha³² jelas tidak disenangi pemimpin Kristian tempatan. Father J. Bius (Bishop gereja Katolik Sabah) dan Peter Mojuntin (Pengerusi Majlis Pastoral Gereja-gereja Sabah) mendakwa Datu Mustapha bertindak zalim terhadap mubaligh Kristian kerana Datu Mustapha menghalau 41 orang mubaligh Kristian dari Sabah.³³ Dakwaan sebegini tidak disenangi Datu Mustapha. Beliau turut dilabel anti-Kristian.

Dalam menghadapi situasi politik sebegini, Datu Mustapha mengakui: “api kemarahan saya tidak berpanjangan kerana sebagai pemimpin, saya mestilah sanggup menerima apa-apa teguran dan jika pemimpin-pemimpin lain datang dengan ikhlas untuk menegur saya, saya tetap menerimanya”.³⁴ Oleh itu, untuk menangkis serangan politik terhadapnya, Datu Mustapha telah menerangkan situasi sebenar mengenai penghalauan tersebut. Datu Mustapha mengatakan beliau bertindak atas dasar perundangan,³⁵ bukannya anti-Kristian. Beliau bertindak rasional sebagai pemimpin yang mendapat mandat daripada rakyat, berdasarkan peraturan yang telah dibuat sejak zaman SBBUB lagi iaitu *The Supervision of Alien Missionaries Ordinance No. 3 1919*,³⁶ selaras dengan Akta Imigresen 1963 (Fasal 5).

³¹ Donald Stephens ialah individu yang bertanggungjawab terhadap perjuangan suku Kadazan yang beragama Kristian. Beliau berketurunan Dusun-Eurasian. Rujukan lanjut dalam Ismail Yusoff, *Politik Dan Agama Di Sabah*, hlm. 66.

³² Untuk gambaran umum mengeninya, sila lihat (misalnya) Sabihah Osman, “Perkembangan Politik Sabah”, dalam Hairi Abdullah (et al.), *Sabah: Perubahan dan Pembangunan*, 1986. K.G. Tregonning, *A History of Mordern Sabah (North Borneo 1881-1963)*, 1967. Salleh Saprin Al-Attas, *Dilema Politik Sabah: PBS dan Demokrasi*, 1994.

³³ *New Straits Times*, 9 Januari 1991.

³⁴ Dipetik daripada teks Ucapan Datu Mustapha Dalam Persidangan Dewan Undangan Negeri pada 11 Ogos 1975.

³⁵ *Daily Express*, 19 Disember 1970, hlm. 1.

³⁶ *North Borneo News and Sabah Times*, 7 Julai 1960. C.O. 874/466

Jika diperhalusi, para mubaligh itu tidaklah dihalau, tetapi permit mereka untuk tinggal di Sabah telah tamat. Maka, mereka diminta supaya meninggalkan Sabah.³⁷ Itulah alasannya. Tetapi bagi mereka yang memenuhi syarat imigresen, mereka tetap dibenarkan tinggal di Sabah. Bahkan, sebahagian daripada mereka memperoleh taraf pemastautin tetap dan dibenarkan tinggal di Sabah sehingga sekarang.³⁸ Tindakan Datu Mustapha ini disokong oleh Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri (ketika itu) iaitu Tun Dr. Ismail.³⁹ Beliau menjelaskan tindakan Datu Mustapha dilaksanakan dengan berdasarkan maklumat risikan daripada polis. Pihak polis mendapati para mubaligh telah menjalankan aktiviti yang tidak secocok dengan keharmonian dan perpaduan negara.⁴⁰ Di samping itu, Datu Mustapha menjelaskan terdapat beberapa orang mubaligh yang terlibat dalam percaturan politik Sabah. Oleh itu, demi kepentingan keselamatan dalam negeri, mereka diminta secara terhormat untuk meninggalkan Sabah.⁴¹

Bagaimanapun, tindakan UNKO yang dilihat menanamkan sikap anti-Islam⁴² terhadap ahli-ahli parti telah mendesak USNO untuk memberikan reaksi. Datu Mustapha melihat senario ini sebagai satu penghinaan terhadap agama dan umat Islam. Tidak dapat dinafikan, beliau berusaha mengangkat martabat Islam dan umat Islam di Sabah. Sebagai menebus hak dan maruah umat Islam yang tidak terbela, Datu Mustapha ingin melihat umat Islam tidak lagi dipinggirkan, seperti zaman penjajahan British.⁴³ Datu Mustapha turut menolak tuduhan-tuduhan liar terhadapnya.

³⁷ *Daily Express*, 19 Disember 1970 dan *Kinabalu Sabah Times*, 19 Disember 1970.

³⁸ Lihat Mat Zin Mat Kib, "Pekembangan Mazhab-mazhab Agama Kristian Di Sabah, 1881-1994", hlm. 104. Kupasan lebih lanjut mengenai dibincangkan dalam Bab 2.

³⁹ Tun Dr. Ismail Abdul Rahman dilahirkan pada 14 November 1915 di Johor Baharu. *Ensiklopedia Sejarah dan Kebudayaan Melayu*, Jilid 2 (F-L), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1995, hlm. 989-990.

⁴⁰ Para mubaligh ini bukan sahaja mengembangkan agama Kristian tetapi aktif dalam politik, malah menyokong parti UNKO dan SCA. *Daily Express*, 18 dan 19 Disember 1970. *Kinabalu Sabah Times*, 18 Disember 1970.

⁴¹ *Daily Express*, 18 dan 19 Disember 1970. *Kinabalu Sabah Times*, 18 Disember 1970.

⁴² Senario ini sebenarnya telah dinyatakan dengan jelas dan terperinci oleh Herman Luping dalam tulisannya. Herman Luping, "The Formation of Malaysia revisited", dalam Jeffrey Kitingan, *Sabah 25 Years Later 1963-1988*, hlm. 22.

⁴³ Untuk kupasan berfakta, sila rujuk Haji Muhammad Abdul Biang, *Perkembangan Pelajaran Agama Islam Di Sabah*, Kota Kinabalu: Yayasan Sabah, 1976, hlm. 14. .

Misalnya, musuh politik Datu Mustapha menuduh bumiputera Muslim sebagai pencipta istilah “Dusun”.⁴⁴ Istilah ini dilihat sebagai suatu penghinaan kerana perkataan “Dusun” berkonotasi negatif yakni melambangkan kemunduran.⁴⁵ Seperti dinyatakan Majihi:

*Dusun should be retained, accepted and maintained simply because that is what some foreigners and colonials masters used to call us, makes no sense at all. It simply means that those who have been calling us “Dusun” were impolite and disrespectful. They did not bother to ask our fore-fathers or ancestors for our real name or names. They simply named or labelled us according to what they thought would describe our looks and our way of life. I am thankful enough, because the name that they gave us could have been worse. Just imagine, they could have called us “Orang Utans”, and for all we know and for all we care, we might have accepted and adopted that name.*⁴⁶

Perlu ditegaskan, pertuduhan ini tidaklah berasas kerana istilah “Dusun” telah digunakan sebelum era penjajahan British lagi dan istilah “Dusun” bukanlah satu penghinaan yang berniat untuk menjatuhkan maruah mereka.⁴⁷ Hakikatnya, prasangka dan prejudis terhadap Islam bukan sahaja merebak ke arena politik, malah meresap dalam kegiatan pensejarahan. Margaret Roff misalnya, menyifatkan sesetengah bumiputera Muslim sebagai imigran:

*[T]he Muruts and Dusuns formed approximately 37% of the population - the largest single racial group. The rest of the population of the state was made up of immigrant Muslim peoples of a variety of kinds (mainly Sulus and Illanuns from the Southern Philippines, Brunei from the Sultanate and Bajaus whose oral histories claim Johore as place of origin) settled predominantly in coastal villages.*⁴⁸

⁴⁴ F. Mathius Majihi, “The Questions of Identity”, dalam *Daily Express*, 7 Mac 1979, hlm. 5.

⁴⁵ *Ibid.*

⁴⁶ F. Mathius Majihi, “The Questions of Identity”, hlm. 5.

⁴⁷ *Ibid.*

⁴⁸ Margaret Roff, “The Rise and Demise of Kadazan Nasionalism”, hlm. 328.

Benarkah “Muslim peoples” merupakan “immigrant”? Mereka merupakan perantau – bukannya imigran seperti buruh dari China dan India – kerana mereka merupakan peribumi di Alam Melayu. Jelas, Margaret Roff tidak memahami konsep Alam Melayu dan budaya perantauan di Alam Melayu.⁴⁹ Sejak awal penubuhan UNKO lagi, Datu Mustapha tidak menyenangi dikotominisasi politik bersentimenkan agama. Justeru, Datu Mustapha menyelar Donald Stephens⁵⁰ lantaran Stephens hanya mahu menyatukan bumiputera Kristian sahaja.⁵¹ Situasi ini menjadi semakin sengit dan panas apabila Herman Luping membenarkan tanggapan Datu Mustapha, dengan menyatakan UNKO sebagai *Christian Party*.⁵² Pengakuan Herman Luping sememangnya menzahirkan penafian-penafian yang selama ini cuba dilakukan Presiden UNKO, Donald Stephens. Pihak gereja pula tidak menolak penglibatan mereka dalam kegiatan politik UNKO.⁵³ Seperti dibuktikan Ronney:

*There were Catholics involved in almost every political party, excepting of course those which were at the time specifically Muslim. Though mission personnel were forbidden to make any comment on party political issue, it was in a sense inevitable that in North Borneo the Church became associated in the popular mind with the UNKO party.*⁵⁴

⁴⁹ Lihat Khazin Mohd. Tamrin, “Tradisi Merantau: Perlunya Diberi Perhatian dalam Kajian dan Penulisan Sejarah Malaysia”, dalam Badriyah Haji Salleh dan Tan Liok Ee (ed.), *Alam Pensejarahan*, Bab 11.

⁵⁰ Donald Stephens dilahirkan di Kudat pada 14 September 1920. Beliau belajar di St. James School, Kudat, St. Mary’s School of Sandakan, The Government Vernacular School of Keningau, The Sacred Heart of Jesselton dan menamatkan pendidikannya di St. Mary’s School of Sandakan. Fakta-fakta ini diperoleh daripada Perpustakaan Penyelidikan Tun Fuad Stephens, Yayasan Sabah, Kota Kinabalu: Sabah, 2007 (seperti dalam Lampiran E).

⁵¹ Margaret Roff, “The Rise and Demise of Kadazan Nasionalism”, hlm. 333.

⁵² Herman Luping, “The Formation of Malaysia Revisited”, dalam Jeffrey Kitingan (ting.), *Sabah 25 Years Later 1963-1988*, hlm. 22.

⁵³ John Rooney, *Khabar Gembira: A History of The Chatholic Church in East Malaysia and Brunei, 1880-1976*, hlm. 211.

⁵⁴ *Ibid.*

Meskipun begitu, Donald Stephens tetap menafikan dakwaan tersebut. Isu ini kelihatan reda apabila beliau memeluk agama Islam pada 5 Januari 1971.⁵⁵ Beliau memeluk Islam demi “memperkukuhkan perpaduan (sekali gus mengendurkan sentimen perkauman⁵⁶) di kalangan bumiputera”.⁵⁷ Pengakuan ini bersandarkan kepada keazaman beliau untuk mengukuhkan perpaduan politik, khasnya bumiputera di Sabah.

Syed Kechik turut meneguhi hasrat murni Donald Stephens. Menurut beliau, “adalah sukar untuk dibayangkan sekiranya penukaran agama tokoh-tokoh penting seperti Donald Stephens adalah sebagai tekanan atau paksaan, mereka memeluk Islam di atas kehendak mereka sendiri, yakni tanpa paksaan”.⁵⁸ Donald Stephens sedar pempolitan agama hanya melebarkan lagi jurang perpecahan politik sesama bumiputera. Ini dapat difahami berdasarkan kecenderungan parti-parti politik yang didominasi oleh suku masing-masing. Misalnya, UNKO dengan dominasi Kadazan-Dusun (Kristian), USNO dengan pengaruh bumiputera Muslim, SCA mewakili masyarakat Cina (Buddha) dan SIC untuk masyarakat India (Hindu).⁵⁹ Atas kesedaran inilah, Donald Stephens bersama dengan UNKO akhirnya dibubarkan pada tahun 1968 demi perpaduan politik bumiputera di Sabah.⁶⁰

Betapapun demikian, dari satu sudut pandangan yang lain pula, mungkin⁶¹ tindakan Fuad Stephens ini dipengaruhi oleh faktor politik. Beliau sedar pengaruhnya semakin menipis dalam gelanggang

⁵⁵ Selepas ini, penyelidik menggunakan nama Muslim Donald Stephens, iaitu Mohd Fuad Stephens atau Fuad Stephens. Gambaran umum mengenainya dalam majalah *TIMES*, London, 15 Januari 1971. .

⁵⁶ Sentimen perkauman bukanlah suatu perkara baru di Malaysia. Untuk gambaran umum mengenainya, lihat (misalnya) Collin E.R. Abraham, *Divide and Rule*, Kuala Lumpur: Institute For Social Analysis (INSAN), 1997.

⁵⁷ *Sinar USIA*, Jun 1971, hlm. 16.

⁵⁸ *Kinabalu Sabah Times*, 5 Julai 1971, hlm. 1.

⁵⁹ Dzulki-fly Abdul Hamid, *Struktur dan Integrasi Politik: Satu Cabaran Untuk Pembangunan Dalam Integrasi Sabah*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 1989, hlm. 243.

⁶⁰ Untuk gambaran umum mengenainya, lihat (misalnya) *Daily Express*, 2 Mac 1968. Margaret Roff, *The Rise and Demise of Kadazan Nationalism*, hlm. 449.

⁶¹ Penyelidik menggunakan perkataan “mungkin” kerana hal ini berkait dengan persoalan “niat”. Niat seseorang tidak diketahui oleh orang lain. Lantaran itu, persoalan-persoalan sebegini sukar untuk diputuskan.

politik di Sabah. Ini merupakan perkara lazim dalam politik, bukannya sesuatu yang mengaibkan. Pada awal tahun 1960-an, UPKO ialah parti yang berpengaruh di Sabah.⁶² Namun, kekalahan parti ini dalam pilihan raya tahun 1967 turut menjejaskan reputasi politik Stephens. Dalam keadaan seperti ini, Donald Stephens perlu melakukan reformulasi politik untuk mengekalkan sokongan rakyat terhadapnya, terutamanya bumiputera Muslim. Oleh itu, dengan memeluk agama Islam, beliau tidak lagi dilihat sebagai anti-Islam. Bintang politiknya terus bersinar. Donald Stephens terus mendapat sokongan politik dwisisi iaitu bumiputera Muslim dan bukan Muslim.

Berbalik kepada persoalan pempolitan agama (Islam-Kristian). Rantaian proses ini sudah pun berlaku dalam rentetan perkembangan sejarah politik di Sabah, sebelum berlakunya pempolitan Islam antara USNO dan BERJAYA. Dalam perkembangan politik kepartian di Sabah selanjutnya, persoalan pempolitan agama – antara Islam dan Kristian – tidaklah berakhir dengan keislaman Donald Stephens, malah senario politik tempatan terjebak pula dalam pertentangan politik yang lebih rumit lagi, akibat pempolitan Islam antara USNO dengan BERJAYA. Persoalan ini akan digarap menerusi wacana ilmiah yang lain.

Kesimpulan

Berdasarkan perbincangan ini, khasnya dalam konteks agenda politik dan ideologi kapitalisme kolonial SBBUB dan British, jelas bumiputera Muslim di Sabah menjadi mangsa penjajahan selama ratusan tahun. Malah, penjajah (SBBUB dan British) berjaya menggali jurang perpecahan antara bumiputera Sabah (Muslim dan bukan Muslim) dengan menggunakan sentimen agama, sekalipun halus namun tegas. Seterusnya, sentimen agama terus merayap dan menyayap secara perlahan-lahan ke gelanggang politik dan demokrasi di Sabah sehinggalah merentasi era Malaysia. Akar-makar pempolitan agama di Sabah telah tercetus sebelum tahun 1976 lagi. Pempolitan

⁶² Sokongan kuat telah diberikan kepada beliau sejak beliau mempunyai syarikat akhbarnya sendiri. Menerusinya, beliau meniupkan semangat kesukuan terhadap kaumnya. Selain itu, beliau bertegas untuk menjadikan bahasa Kadazan sebagai salah satu bahasa yang digunakan di radio dan dipersetujui oleh Dewan Undangan Negeri sehinggalah ke hari ini. Sumbangan ini telah mempopularkan nama beliau dalam kalangan suku kaumnya sehinggalah beliau digelar sebagai “Huguon Siou”. Ismail Yusoff, *Politik Dan Agama Di Sabah*, hlm. 66. Margaret Roff, “The Rise and Demise of Kadazan Nationalism”, hlm. 331 dan temu bual bersama Awang Sahari Abd. Latif pada 6 Mac 2007.

agama dilihat sebagai pertentangan antara dua agama sepupu iaitu Kristian dan Islam. Biarpun pertentangan ini bertali arus dalam persabungan dan pertembungan politik kepartian di Sabah, namun ternyata rakyat Sabah lebih menjunjung keharmonian dan perpaduan, bukannya prasangka perkauman dan prejudis keagamaan. Bersatu kita teguh, bercerai kita roboh.